



## SIARAN MEDIA

### JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Tujuh premis perniagaan dikenakan kompaun kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan gagal mematuhi peraturan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142**

Tarikh: 28 Jun 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan tujuh kompaun kepada tujuh buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, bagi tempoh awal hingga pertengahan bulan Jun 2023.
2. Pemeriksaan rutin penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 telah mendapati tiga buah premis perniagaan menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Manakala, empat buah premis perniagaan didapati gagal mempamerkan tanda harga bagi beberapa barang yang dijual di dalam premis atau mempamerkan tanda harga yang mengelirukan iaitu tanda harga tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran. Berikut adalah keterangan mengenai kesalahan-kesalahan berkenaan dengan jumlah kompaun dikenakan menurut kekerapan kesalahan dibuat:

Bil.	Nama syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	Sinar Cahaya Nabilah Ent., Kg Lumapas	\$500.00	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga
2	Al-Muhamadiyah Ent., Kg Masin	\$500.00	
3	Sykt. Affinna Mini Mart, Kg Pintu Malim	\$500.00	
4	Smart (B) @ Supa Save, Seria	\$500.00	Bab 5: Tidak mempamerkan harga pada mana-mana barang dan/atau memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran
5	Metro Fresh Mart, Mulaut	\$500.00	
6	Fairodin Sdn Bhd, Belait	\$700.00	
7	Faizee Trading Co., Kg Rimba	\$1,000.00	

3. Pada awal hingga pertengahan bulan Jun 2023 juga telah merekodkan sebanyak tiga Notis Amaran dikeluarkan kepada tiga buah premis perniagaan atas beberapa kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 termasuk menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran bagi beberapa barang harian. Kesalahan-kesalahan yang diperolehi juga adalah hasil daripada aduan pengguna yang diterima oleh JPES.
4. Dalam kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada para pengguna yang telah melaporkan aduan secara rasmi melalui saluran-saluran yang disediakan dan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.
5. JPES secara berterusan ingin menasihatkan para pengguna untuk sentiasa mengoptimakan penggunaan saluran-saluran rasmi yang disediakan dan mudah diakses seperti aplikasi PenggunaBijak; *hotline* Talian Darussalam 123 dan emel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn), bagi membuat aduan berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
6. Dalam pada itu, para peniaga diingatkan untuk sentiasa peka terhadap tanggungjawab masing-masing dalam mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada termasuk Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Kepatuhan para peniaga berupaya membantu untuk menyumbang kepada mewujudkan sistem perniagaan domestik yang beretika dan berdaya tahan.
7. Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi